

No. Soalan: 99
PR-1351-T00108

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

**SOALAN : Dato' Takiyuddin Bin Hassan
[Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI
menyatakan peranan yang telah dan akan
dimainkan oleh Malaysia sebagai anggota
ASEAN dan juga OIC untuk membela nasib
kaum Rohingya yang tertindas di Myanmar.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada YB Kota Bharu di atas soalan yang dikemukakan.

2. Malaysia sentiasa memberi penekanan khusus kepada tragedi yang menimpa etnik Rohingya. Kepedulian ini berdasarkan aspek kemanusiaan dan juga kesedaran bahawa isu ini boleh menjejaskan kestabilan serantau. Pada masa yang sama, pengalaman kita menangani insiden "*boat people*" pada tahun 2015 membuktikan bahawa penindasan Kerajaan Myanmar terhadap etnik Rohingya ini akan menyebabkan mereka lari ke luar negara, termasuk Malaysia.

3. Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa peka terhadap isu ini dan seringkali mengambil pendekatan proaktif pada peringkat dua hala, serantau, mahupun antarabangsa. Sebagai contoh, di peringkat serantau, Malaysia telah mengemukakan cadangan untuk diadakan Sesi Tergempar diperingkat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN. Walaupun cadangan ini telah ditolak oleh Kerajaan Myanmar, hasil daripada desakan Malaysia dan masyarakat antarabangsa, satu Sesi Pemukiman di peringkat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN telah dianjurkan oleh Kerajaan Myanmar di Yangon pada 19 Disember 2016.

4. Semasa Sesi Pemukiman tersebut, Malaysia menegaskan bahawa isu ini bukan lagi hanya bersifat domestik, tetapi ia melibatkan rantau ini

keseluruhannya. Malaysia juga telah mencadangkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Agar akses bantuan kemanusiaan kepada penduduk di Rakhine diberikan tanpa sebarang halangan kepada penduduk di kawasan-kawasan terjejas di Rakhine. Selain itu, ASEAN juga boleh menjadi penyelaras dalam membantu Myanmar dengan menjadi badan perantara bagi membolehkan bantuan-bantuan kemanusiaan diberikan secara saksama kepada semua penduduk yang terlibat di Rakhine; dan
- (ii) Agar ASEAN menubuhkan suatu badan pakar bebas (*independent group of experts*) atau kumpulan tokoh terkemuka (*eminent persons group*) untuk menyiasat dan mengesahkan situasi etnik Rohingya di Rakhine. Badan tersebut juga boleh membantu memberikan penyelesaian jangka panjang ke atas isu ini dan juga cadangan-cadangan langkah seterusnya yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan Myanmar. Malaysia menegaskan bahawa adalah lebih baik untuk ASEAN menilai sendiri sebarang perkembangan yang berlaku di rantau ini melalui mekanisme ASEAN sendiri dan tidak hanya bergantung kepada laporan daripada orang luar.

5. Semasa Sesi Pemukiman tersebut, Kerajaan Myanmar telah memberi jaminan untuk memaklumkan perkembangan terkini berhubung situasi di Rakhine dan membenarkan akses untuk bantuan kemanusiaan memasuki Rakhine.

6. Malaysia sekali lagi telah mengetengahkan perkara ini semasa Sesi Pemukiman Menteri-Menteri Luar ASEAN di Boracay, Filipina pada 21 Februari 2017, di mana Malaysia dan juga rakan ASEAN yang lain telah memberi komitmen untuk mencari jalan penyelesaian yang adil, lestari dan berjangka panjang bagi menangani masalah yang dihadapi di kawasan-kawasan yang terjejas di Wilayah Rakhine, khususnya terhadap etnik Rohingya di Wilayah tersebut.

7. Di platform OIC, Malaysia sentiasa mengetengahkan isu-isu yang melibatkan minoriti Islam Rohingya di Myanmar di pelbagai peringkat OIC seperti di Sidang Kemuncak OIC dan Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri OIC. Di samping itu, Malaysia adalah anggota kepada Kumpulan Perhubungan OIC Mengenai Minoriti Islam Rohingya di Myanmar.

8. Seperti Dewan sedia maklum, Malaysia bersama Sekretariat OIC telah menganjurkan Sesi Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri OIC Mengenai Situasi Minoriti Islam Rohingya di Myanmar pada 19 Januari 2017, untuk membincang dan menangani permasalahan tersebut. Syor-syor yang telah dipersetujui termasuklah perkara-perkara seperti berikut:

- (i) supaya Setiausaha Agung OIC menyelaraskan lawatan peringkat tinggi Kumpulan Perhubungan OIC Mengenai Minoriti Islam Rohingya ke Myanmar;
- (ii) supaya Setiausaha Agung OIC mengadakan inisiatif bersama dengan rakan sejawatnya di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ASEAN;

(iii) meminta Kumpulan Perhubungan OIC di Brussels, Geneva dan New York untuk mengadakan mesyuarat dengan kerap berkenaan situasi minority Islam Rohingya di Myanmar; dan

(iv) menggalakkan *OIC Independent Permanent Human Right Commission* untuk terus meneliti dan melapor situasi minoriti Islam Rohingya di Myanmar.

9. Ternyata usaha-usaha terkini Malaysia ingin membantu dan membela nasib minoriti Islam Rohingya di Myanmar bukanlah sekadar retorik semata-mata.

Sekian, terima kasih.